



Received: 2021-06-08

Accepted: 2021-07-08

Published: 2021-08-31

Original Article

Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital

The Role of Fathers in the Formation of Well-Being Family: An Analysis of Issues and Challenges in the Digital Era

Hasri Harun^{a*} & Hasliza Mohamad Ali^b^a Institut Maqasid Syariah (INSMAQ) Pusat Kecemerlangan, Universiti Selangor, Malaysia^b Pusat Pengajian Asasi & Umum, Universiti Selangor, Malaysia* Corresponding author, email; hasri@unisel.edu.my

ABSTRACT

The well-being family which is formed based on the Qur'an and Sunnah results from the role-played by fathers as the head of the family. Previous studies have proven that the role of a quality father produced children who are excellent and balanced from the physical, emotional, spiritual, intellectual, and social aspects. However, there are also challenges and tribulations in the formation of the family caused by neglecting the role of fathers who is the head of the household, especially in the digital era. This article aimed to analyze the issues and challenges of the role of fathers in the development of well-being families in the digital era. Moreover, this article used a qualitative method by evaluating the role of fathers based on the literature reviews and observations from primary and secondary sources. The findings of this study provided an impact not only input but also useful guidance to father and also included economic, social, and religious aspects. Therefore, efforts to empower the role of fathers should not be sidelined and should be given fair attention. Accordingly, it needs to be documented and practiced as a guide to fathers to build the well-being family in this challenging digital era.

Keywords: father, role of father, well-being family, children's education, digital era

Pengenalan

Bapa adalah ketua dalam keluarga dan rumahtangga¹ yang sepatutnya bertanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada anak-anak dan isteri dalam keluarga². Peranan dan tanggungjawab sebagai seorang bapa dalam sesebuah

¹ Ratna Roshida & Nik Haslinda, "Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun." *Jurnal Kemanusiaan* 9 (2007):73-82.

² Adnan Hasan Shalih Baharith. *Mas'uliyah Abi al-Muslim fi Tarbiyyah Walad fi Marhalah al-Tufulah*. Jeddah: Darul Mustama',1991.

keluarga adalah sangat penting terutama memimpin dan membimbing keluarga ke jalan yang diredhai Allah SWT. Menurut Zulkifli al-Bakri (2010)³ menyatakan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan potensi kepimpinan kepada lelaki seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional, tidak mudah didorong oleh perasaan, manakala wanita pula berjiwa sensitif dan mudah tersinggung. Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan penghormatan yang begitu tinggi diberikan kepada kaum lelaki iaitu bapa, maka beliau berkewajipan untuk menguruskan keluarga serta mengatasi persoalan dan krisis yang timbul di dalam rumah tangga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

Dalam zaman sekarang peranan bapa adalah lebih besar dan amat bermakna terutama sekali dengan perubahan masa dan pendekatan anak-anak. Tidak dapat dinafikan bahawa zaman teknologi ini tanggungjawab membangunkan keluarga dan pendidikan anak-anak begitu mencabar. Ini kerana penyebaran maklumat dan penggunaan peranti teknologi amat canggih. Menurut Salmah Omar & Malisah Latip (2015)⁴ bahawa kemajuan teknologi pada hari ini telah memberi kemudahan kepada golongan keluarga berinteraksi dan berkomunikasi apatahlagi penggunaan FB, Instagram dan pelbagai lagi bentuk media sosial akan mempermudah komunikasi. Namun di sebalik kemudahan ini tidak kurang juga kekurangan dan kelemahan jika tidak dikawal. Oleh kerana itu peranan bapa dalam zaman digital ini amat mencabar sekali. Justeru, artikel ini akan membicarakan tentang peranan bapa yang seharusnya dimainkan dalam pembangunan keluarga sejahtera. Peranan ini sangat penting terutama dalam mendepani cabaran era digital yang amat meluas dan pastinya memerlukan persiapan yang rapi terutama dalam mendepani cabaran yang lebih besar.

Metodologi

Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen berdasarkan tema keluarga dan teknologi yang mengandungi nas-nas, hukum syarak. Manakala data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan deduktif bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan yang telah dikemukakan berkaitan cabaran peranan bapa dalam pembentukan keluarga sejahtera dalam mendepani era digital.

Bapa Menurut Islam

Bapa menurut Islam adalah merupakan sebagai ketua yang memimpin keluarga menjadi contoh kepada isteri dan anak-anak. Menurut kajian lepas membuktikan personaliti bapa dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan anak-anak⁵. Azizi Yahya (2010) ⁶ menyatakan bahawa kewibawaan dan keteladanan ibu bapa dalam keluarga sangat menentukan pembentukan nilai-nilai agama, moral, sosial dan disiplin diri anak-anak. Manakala, ikatan dan

³ Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2010.

⁴ Salmah, O., & Malisah, L., "Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 1 (2015): 1-12.

⁵ Broberg, G. C., "Fatherhood: Rediscovered in Empirical Research." *Family Perspective* 22, (1988): 75-85.

⁶ Azizi Yahya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. *Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.

kawalan keibubapaan juga dapat membentuk personaliti yang baik dalam kalangan anak-anak serta konsep sendiri yang jitu⁷. Sebagai mana yang diketahui bapa adalah ketua dan pemimpin yang mengendali kejayaan sebuah rumahtangga. Dalam Islam peranan bapa amat besar jika dilihat dari sudut pembentukan keluarga bahagia. Oleh sebab itu Islam menggariskan kepentingan memelihara diri dan keluarga daripada kerosakan. Ini sejajar dengan firman Allah dalam Quran;

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."

(Surah Tahrir ayat 6)

Berdasarkan ayat di atas dapat difahami sebagai bentuk perintah kepada bapa untuk menjaga diri dan keluarganya daripada api neraka. Pengaplikasian ayat tersebut dalam kehidupan seharian iaitu menjaga diri sendiri dengan menjalankan ketaatan atas aturan agama dan menjaga keluarga dengan memerintah mereka untuk membiasakan berzikir dan berdoa kepada Allah SWT sehingga mereka diselamatkan dari api neraka. Dalam Islam, peranan dan tanggungjawab bapa sangat jelas. Suami atau bapa dianggap sebagai ketua keluarga yang diletakkan tanggungjawab memberi nafkah, menjamin keselamatan dan kesejahteraan ahli keluarganya serta membimbing ahli keluarga, iaitu isteri dan anak-anak supaya menjalani kehidupan yang berlandaskan prinsip Islam.⁸ Menurut satu kajian oleh Baharith (1991)⁹ dari Universiti Ummul Qura telah menulis tentang Peranan Bapa menurut Islam. Tulisan ini bertajuk "Mas'uliah al-Ab al-Muslim Fi Tarbiyah Al-Awlad Fi Marhalah At-Tufuliyah" Berdasarkan kajian penulis telah menggariskan beberapa peranan bapa yang telah digariskan menurut panduan Al-Quran. Antara peranan bapa tersebut adalah seperti berikut:

Peranan Bapa sebagai Pemimpin

Maksud "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka

⁷ Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Universiti Utara Malaysia: Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, 2004.

⁸ Salleh, A., Aziz, Z., Mahmud, Z., & Abd Aziz Mahyuddin, "Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 no.2 (2010).

⁹ Adnan Hasan Shalih Baharith. *Mas'uliyah Abi al-Muslim fi Tarbiyyah Walad fi Marhalah al-Tufulah*. Jeddah: Darul Mustama', 1991.

berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”

(Surah An-Nisa :34)

Peranan Bapa Sebagai Menyediakan Ekonomi Keluarga

Maksudnya “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

(Surah At-Talaq 7)

Bapa dan suami juga bertanggungjawab menyediakan keperluan ekonomi, makanan dan pakaian isteri dan anak-anak. Tanggungjawab ini wajib diberikan kerana ianya tanggungjawab yang mesti dipenuhi. Dalam hadis diriwayatkan oleh Jabir ibn Abdillah menyatakan;

Maksudnya “kewajiban bagimu (lelaki) atas perempuan adalah mencari rezeki dan pakaiannya yang baik”

(Riwayat Muslim)

Peranan Bapa Sebagai Pelindung

Maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

(Surah Tahrim ayat 6)

Peranan Bapa Sebagai Pendidik

Maksudnya: Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Surah al-Jumu'ah : 2)

Memberi didikan agama kepada isteri dan keluarga merupakan asas jangka panjang yang penting dalam membina kebahagiaan rumah tangga. Didikan agama, nasihat dan teguran

dengan kaedah yang lemah lembut menurut al-Nawawi merupakan kaedah terbaik untuk mendidik isteri.¹⁰

Kajian & Teori Kebapaan Di Barat Dan Islam

Kajian kebapaan sejak sebelum 1970 an adalah amat sedikit sekali. Menurut sebuah pusat di Amerika Syarikat iaitu Pusat Statistik Pendidikan Nasional (NCES), sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan di Jabatan Pendidikan menjelaskan bahawa peranan bapa hanya sebagai pencari nafkah atau hanya bertanggungjawab terhadap keperluan ekonomi semata-mata. Bahkan pada ketika itu peranan bapa tidak sangat ditonjolkan sebagai pendidik dalam keluarga berbanding ibu dalam sebuah keluarga.¹¹ Ini adalah akibat daripada sikap masyarakat pada ketika itu melihat bahawa bapa hanya menyediakan makanan dan pakaian anak-anak semata-mata. Menurut satu kajian yang dilakukan oleh Kurk (2012)¹² seorang Profesor Sains Sosial di Universiti British Columbia menyatakan bahawa dengan ketiadaan peranan bapa dalam kekeluargaan menyebabkan 70% pencapaian rendah akademik anak-anak dalam keluarga terjejas dan berpotensi melakukan tindakan negatif dan jenayah.

Menurut perspektif Islam pula tidak kurang pentingnya kajian tentang peranan kebapaan yang dinukilkan oleh sarjana Islam yang amat bermakna sekali. Jika dibandingkan dengan teori yang dijelaskan dan kajian yang dijalankan sudah tentu lebih dibina atas dasar falsafah dan epistemologi ilmiah barat yang berbeza dengan Islam kerana sumber kajian Islam adalah berdasarkan wahyu dan ijtihad (pemikiran) manusia dan penyelidikan.¹³ Secara umum, buku mengenai peranan ibu bapa terhadap anak-anak atau keibubapaan Islam bersifat teori-falsafah seperti buku klasik ulama terkenal Ibn Qayyim Al-Jauziyah (2005)¹⁴, Tuhfat al-Maudud fi ahkam al-Maulud dan juga buku karya Abdullah Nasih Ulwan, Tarbiyat Al-Aulad Fi al-Islam. Buku-buku sebegini masih menjadi rujukan di kalangan masyarakat bagi memahami tanggungjawab sebagai seorang bapa atau ketua keluarga dalam membentuk keluarga sejahtera.

¹⁰ Jasmi, K.A., Muhammad, A & Mohamed, A.K., "*Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi*", Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Universiti Malaya, 29 September 2004.

¹¹ [NHES] National Household Education Survey, *Father's Involvement in Their Children's Schools* (Statistical Analysis Report). (U.S Department of Education, Washington: USA, 1997), <https://nces.ed.gov/pubs98/98091.pdf>.

¹² Kurk, E. "Father Absence, Father Deficit, Father Hunger the Vital Importance of Paternal Presence in Children's Lives. *Psychology Today*." Dilihat pada 15 April 2021 <https://www.psychologytoday.com/blog/co-parenting-after-divorce/201205/father-absence-father-deficit-father-hunger>.

¹³ Ulwan, A. N. *Tarbiyat al-Aulad fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Salam, 2013.

¹⁴ Al-Jauziyah, Ibnu Qayyim. *Tuhfat al-Maudud Bi Ahkam al-Maulud*. Takhrij Muhammad Nashiruddin Al-Albani. Kairo: Dar al-Atsar, 2005.

Isu-Isu Dan Cabaran Dalam Menghadapi Era Digital

Berikut adalah beberapa isu semasa yang akan dihadapi oleh keluarga dan di sinilah peranan bapa sebagai ketua keluarga harus bijak dan berkemahiran bagi mengelakkan kesan negatif itu semakin meluas:

Isu Keselamatan Dan Perlindungan

Perkembangan teknologi ICT sememangnya boleh membawa kebaikan dan manfaat kepada manusia dan tidak kurang juga memberi kesan negatif dalam masyarakat termasuk dalam keluarga. Apabila anak-anak terdedah dengan kemudahan teknologi ia akan juga membawa kepada isu yang sering kita dengar iaitu keselamatan dan perlindungan. Oleh itu pengasuhan oleh ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan teknologi adalah amat penting. Menurut Nurhamizah & Asbah Razali (2019)¹⁵ Ibu bapa perlu memfokuskan diri dan melibatkan diri dalam dunia teknologi. Ini bertujuan untuk berhadapan dengan penggunaan teknologi yang positif sebagai platform sosial yang berguna kepada anak-anak mereka. Keterujaan anak-anak dalam penggunaan teknologi juga boleh mendorong kepada penyebaran maklumat peribadi dan keselamatan keluarga. Oleh kerana bapa tidak memberi maklumat kepada anak-anak oleh ibu bapa akan keselamatan diri dan keluarga boleh mengundang maklumat diri mudah terdedah kepada penjenayah.

Akibat daripada keterujaan ini juga boleh menyebabkan keselamatan terjejas. Oleh itu pemantauan oleh bapa termasuklah ibu terhadap penggunaan media dan teknologi memerlukan kesungguhan dan kesabaran oleh ibu bapa agar ia dapat dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin demi kesejahteraan pembangunan diri anak-anak. Elemen keselamatan dalam penggunaan peranti ini sangatlah penting. Ibu bapa harus tahu bagaimana mendidik anak-anak dan keluarga dari segi mengawal tersebarnya maklumat dalaman yang bakal membuka ruang jenayah yang terancang. Bapa sebagai ketua keluarga harus memasang kata kunci (*password*) agar segala maklumat peribadi yang penting tidak mudah jatuh ke tangan pihak tidak bertanggungjawab.

Isu Komunikasi Keluarga

Keluarga adalah insitisi penting pembentukan sahsiah anak-anak yang utama sebelum mereka berada di dunia luar. Generasi muda dan anak-anak dalam komposisi keluarga yang berjaya apabila mendapat berhubung dengan cara yang terbaik secara interpersonal dan intrapersonal. Namun di sebalik serangan teknologi ini anak-anak terdedah dengan cabaran komunikasi maya. Akibat daripada keterujaan dalam menggunakan alat peranti sebagai alat komunikasi akhirnya memberi kesan negatif dalam hubungan kemanusiaan. Menurut Naquih Nahar et. al, (2017)¹⁶ menyatakan bahawa pada hari ini masalah perkembangan sosial kanak-

¹⁵ Nurhamizah Hashim & Asbah Razali, "Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibumama dan Anak-anak." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 4 (2019): 337-352.

¹⁶ Naquiah Nahar, Sahrnunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah, *Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN): Penerbit UTM Press, 2017.

kanak dan remaja tidak hanya terbatas kepada interaksi mereka dengan rakan sebaya, malah pengaruh teknologi moden juga turut memberi impak yang negatif terhadap komunikasi dan hubungan sosial mereka dengan ibu bapa. Jika dahulu secara tradisinya interaksi ibu bapa-anak berlaku secara bersemuka, tetapi kini pelbagai saluran komunikasi teknologi moden telah mengambil alih corak interaksi dalam kalangan ahli keluarga

Masalah ini semakin hebat apabila ibu bapa tidak lagi berupaya untuk berkomunikasi dengan anak-anak dan ini menunjukkan kelemahan peranan atau fungsi mereka sebagai ibu bapa. Menurut MacGill (2007),¹⁷ media sosial dan teknologi menjadi salah satu konteks terpenting dalam kehidupan anak-anak. Kelekaan menaip dan menatap skrin di telefon pintar ketika berbicara telah menjadi norma hingga mengambil alih komunikasi dua hala yang penting dalam membina perhubungan antara manusia. Mahukah kita menjadikan hubungan komunikasi bersama keluarga menjadi hambar? Akibat daripada penggunaan komunikasi secara peranti maya berlebihan boleh mengakibatkan hubungan sosial menjadi renggang. Di sinilah peranan bapa harus mengawal dan membimbing anak-anak walaupun berkembang mana sekalipun peranti dan teknologi, komunikasi sesama keluarga tidak boleh digantikan semudahnya.

Isu serangan maklumat yang negatif

Dengan kemudahan penggunaan teknologi ini walaupun kebanyakannya memberi manfaat dari segi komunikasi dan pendidikan, namun tidak kurang juga ianya menyumbangkan kepada unsur negatif dalam masyarakat. Antaranya kedapatan di dalamnya elemen keganasan, buli dan elemen yang tidak sihat dan tidak sesuai terutama bagi kanak-kanak. Apa yang lebih menyedihkan terdapat ibu bapa yang menyerahkan urusan menjaga anak dengan memberi tablet dan televisyen. Peranti ini dikatakan dapat memberi ketenangan dan memudahkan ibu bapa.¹⁸

Secara umumnya, era digital adalah di mana manusia memiliki gaya hidup baru yang tidak terlepas dari ketergantungan mereka dengan alat elektronik. Teknologi merupakan alat bantuan yang sentiasa diperlukan di dalam setiap aktiviti manusia dan ia turut mempengaruhi kaedah pendidikan anak-anak dan kemahiran keibubapaan. Era digital dipercayai memberi kesan positif dan juga negatif. Namun ia tertakluk kepada pengguna sama ada memanfaatkannya ke arah kebaikan atau keburukan. Sebagai contoh, komunikasi ibubapa kepada kanak-kanak adalah elemen utama yang terkesan akibat kepesatan gelombang era digital.

Peranan Bapa Dalam Mendepani Anak Dalam Era Digital

Dalam konteks pembelajaran pihak sekolah mengambil inisiatif untuk menyediakan aktiviti pembelajaran sama ada secara atas talian (*online*) atau luar talian (*offline*). Rentetan itu, gajet menjadi satu keperluan kepada kanak-kanak sebagai alat pembelajaran dan ini memberi ruang

¹⁷ Macgill, Alexandra Rankin. "Teens and Technology". Parents, Teens and Technology, Dikemaskini pada Oktober 24, 2007, <http://tony-silva.com/download/parentsteentech-pew.pdf>.

¹⁸ Salmah, O., & Malisah, L., "Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 1 (2015): 1-12.

kepada mereka untuk meneroka pelbagai aplikasi dan melayari internet.¹⁹ Namun jika tanpa kawalan bapa maka dibimbangi anak-anak terdedah dengan dunia ICT yang terbuka luas. Berikut dibincangkan antara peranan utama bapa dalam menghadapi anak dalam era digital:

Kawalan Anak Dalam Penggunaan Peranti ICT

Bapa juga berperanan dalam melindungi anak-anak daripada gejala yang tidak sihat yang boleh memberi kesan tidak baik dalam keluarga. Apabila kesedaran ini dapat dibina barulah bapa dapat membentuk kawalan terhadap kegiatan anak-anak terhadap penggunaan peranti teknologi ini. Bapa termasuklah ibu sebagai rakan dalam membangunkan keluarga harus mempunyai ilmu pengetahuan dan membentuk kawalan tersebut. Antaranya adalah menyaring laman web yang digunakan oleh anak-anak kita melalui komputer dan tab yang digunakan. Apabila ianya dilaksanakan dapat membendung gejala informasi negatif termasuk pornografi yang meluas. Menurut Nuhamizah & Asbah Razali (2019)²⁰ strategi ini akan menghasilkan ibu bapa yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam budaya digital serta keyakinan untuk membentuk komunikasi dengan anak-anak mereka mengenai penggunaan media sosial dalam dunia teknologi. Contohnya, ibu bapa turut serta mengikuti latihan dan seminar mengenai pengendalian media massa dan teknologi untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam penerokaan dunia teknologi pada hari ini. Peranan bapa sebagai ketua keluarga harus mengawal anak-anak daripada menggunakan peranti sewenang-wenangnya. Ini tidak bermakna menyekat mereka menggunakannya tetapi harus diberi panduan dan kaedah yang terbaik demi kebaikan anak-anak.

Tingkatkan Kemahiran Bapa

Sebagai ketua dalam rumahtangga, bapa berperanan merancang dan mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dalam mengurus atur anak-anak dalam penggunaan internet. Ini kerana tanpa kemahiran ini akan membuka ruang keterlibatan anak-anak dengan pendedahan maklumat yang negatif dan terbuka. Bapa hendaklah mengenal pasti norma tingkah laku yang sesuai dalam penggunaan media sosial dan teknologi dan juga perlu memupuk hubungan saling mempercayai dan sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak. Justeru, ibu bapa harus berperanan lebih proaktif dalam menangani isu dalam era 'super-wayar' ini dengan sentiasa berada selangkah di hadapan menghadapi ledakan teknologi dalam kehidupan anak-anak. Peranan semua pihak terutamanya ibu bapa dalam mengawasi penggunaan peranti teknologi oleh kanak-kanak amatlah wajar. Keterlibatan ibu bapa dalam hal ini merupakan faktor penting bagi perkembangan anak-anak.²¹ Peranan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa amat besar dalam Islam. Tanggungjawab ibu bapa bukanlah terhad kepada penyediaan harta yang

¹⁹ Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan, "Pengawalan Ibu Bapa Berkerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes" Kertas Kerja e-prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. UKM Bangi, 2020.

²⁰ Nurhamizah Hashim & Asbah Razali, "Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibumama dan Anak-anak." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 4 (2019): 337-352.

²¹ Salmah, O., & Malisah, L., "Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 1 (2015): 1-12.

berbentuk fizikal, tetapi yang paling utama adalah mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak kerana kedudukan ibu dan bapa yang mendidik anaknya amat besar di sisi Allah Taala.²²

Kesimpulan

Dalam dunia teknologi yang semakin berkembang dan melalui pelbagai cabaran hari demi hari, setiap masyarakat perlu lebih bersedia dan bertindak dengan ilmu dan kemahiran yang sebaiknya terutama dalam membangunkan keluarga sejahtera. Tanpa ilmu dan kemahiran khususnya di kalangan bapa-bapa yang merupakan pemimpin dalam rumahtangga, sesebuah keluarga itu tidak akan dapat melahirkan generasi yang kuat dan cemerlang. Sebagai ketua keluarga, bapa memainkan peranan utama mengawal anak-anak dalam menggunakan peranti ICT mereka. Ini kerana sememangnya ianya banyak memberi manfaat tetapi jika tidak dikawal dan dibimbing maka ia juga boleh memberi kesan negatif kepada anak-anak. Justeru itu, ilmu pengetahuan, pemahaman dan pendidikan ibu bapa amat penting dalam meningkatkan kawalan sosial ibu bapa yang seterusnya dapat mengurangkan masalah ketagihan media sosial dalam kalangan anak-anak. Justeru bapa haruslah menangani perubahan dalam hubungan komunikasi mereka dengan anak-anak kerana kini keutamaan anak-anak adalah lebih tinggi terhadap media sosial dan teknologi. Peranan seorang bapa yang baik adalah mempunyai kemahiran dan kekuatan dalam mengawal serta membimbing anak-anak daripada terjerumus kepada keburukan peranti ICT yang digunakan pada setiap hari. Justeru itu tanggungjawab ini amatlah besar sekali dan harus dilaksanakan agar teknologi ICT dalam era digital akan memberi kesan yang lebih baik kepada anak-anak berbanding keburukan yang lebih merugikan anak-anak untuk masa depan mereka.

Rujukan

- Adnan Hasan Shalih Baharith. *Mas'uliyah Abi al-Muslim fi Tarbiyyah Walad fi Marhalah al-Tufulah*. Jeddah: Darul Mustama', 1991.
- Al-Jauziyah, Ibnu Qayyim. *Tuhfat al-Maudud Bi Ahkam al-Maulud*. Takhrij Muhammad Nashiruddin Al-Albani. Kairo: Dar al-Atsar, 2005.
- Azizi Yahya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. *Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Broberg, G. C., "Fatherhood: Rediscovered in Empirical Research." *Family Perspective* 22, (1988): 75-85.
- Izzah Nur Aida Zur Rafar & Salasiah Hanin Hamjah, "Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga." *Jurnal Islamiyyat* 40, no.1 (2018): 68-69.
- Izzah Nur Aida Zur Rafar & Salasiah Hanin Hamjah, "Ciri-Ciri Personaliti Bapa Yang Diharapkan Oleh Anak-Anak Dalam Keluarga". *Jurnal al-Banjari* 18, no.2 (2019): 313-328.
- Jasmi, K.A., Muhammad, A & Mohamed, A.K., "Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi", Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Universiti Malaya, 29 September 2004.

²² Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar, "Psikologi Pembangunan Kanak-kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam," *Journal of Educational Research* 4 no.1 (2019): 14-23.

- Kurk, E. "Father Absence, Father Deficit, Father Hunger the Vital Importance of Paternal Presence in Children's Lives. Psychology Today." Dilihat pada 15 April 2021 <https://www.psychologytoday.com/blog/co-parenting-after-divorce/201205/father-absence-father-deficit-father-hunger>.
- Macgill, Alexandra Rankin. "Teens and Technology". Parents, Teens and Technology, Dikemaskini pada Oktober 24, 2007, <http://tony-silva.com/download/parentsteenstech-pew.pdf>.
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah, Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN): Penerbit UTM Press, 2017.
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali, "Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 4 (2019): 337-352.
- [NHES] National Household Education Survey, Father's Involvement in Their Children's Schools (Statistical Analysis Report). (U.S Department of Education, Washington: USA, 1997), <https://nces.ed.gov/pubs98/98091.pdf>.
- Ratna Roshida & Nik Haslinda, "Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun." *Jurnal Kemanusiaan* 9 (2007):73-82.
- Shafiqah Iqlima Mohd Nadzri, "Polemik Perceraian di Malaysia," *Perspektif*, 15/2020. Januari 24, 2020, <https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/06/Polemik-Perceraian-di-Malaysia.pdf>
- Salleh, A., Aziz, Z., Mahmud, Z., & Abd Aziz Mahyuddin, "Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsia Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 no.2 (2010).
- Salmah, O., & Malisah, L., "Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 1 (2015): 1-12.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan, "Pengawalan Ibu Bapa Berkerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes" Kertas Kerja e-prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. UKM Bangi, 2020.
- Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar, "Psikologi Pembangunan Kanak-kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam," *Journal of Educational Research* 4 no.1 (2019): 14-23.
- Ulwan, A. N. *Tarbiyat al-Aulad fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Salam, 2013.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Universiti Utara Malaysia: Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, 2004.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2010.